

27 JUL 2003

Perjanjian-Saham (Bergambar)

MALAYSIA DAN THAILAND TANDATANGANI MOU PENYENARAIAN SAHAM

LANGKAWI, 27 Julai (Bernama) -- Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan Bursa Saham Thailand hari ini menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) untuk memungkinkan syarikat di Malaysia dan Thailand disenaraikan di kedua-dua bursa saham terbabit.

MoU berkenaan ditandatangani oleh Timbalan Pengerusi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) Datuk Mohd Azlan Hashim dengan Presiden Bursa Saham Thailand Kittlatt Na-lanong sempena lawatan kerja dua hari Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra ke sini.

Majlis itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Thaksin selepas mereka mengadakan mesyuarat empat mata dan mengetuai mesyuarat delegasi sempena lawatan itu.

Mohd Azlan ketika ditemui pemberita berkata perjanjian itu juga bertujuan membangunkan teknologi di kedua-dua bursa saham serta memperhebatkan pelaburan.

"BSKL juga merancang mengadakan perjanjian serupa dengan bursa saham negara lain di rantau ini," katanya.

Malaysia dan Thailand juga menandatangani MoU untuk mengurangkan pemeriksaan fizikal bertindih oleh kastam kedua-dua negara.

Perjanjian itu juga mempunyai strategi untuk mewujudkan pemeriksaan tunggal dan menyeragamkan prosedur serta borang kastam.

Menurut kenyataan Jabatan Kastam Malaysia, untuk tujuan itu satu pasukan petugas akan ditubuhkan bagi mengkaji format dokumentasi tunggal bagi peraturan mengimport, eksport dan zon bebas.

Pasukan itu juga akan mengkaji kemungkinan untuk melaksanakan prosedur sifar kertas bagi sistem Maklumat Kastam Malaysia-Thailand serta dasar pemeriksaan tunggal untuk barangan yang di bawa penumpang.

MoU tersebut ditandatangani oleh Ketua Pengarah Kastam Tan Sri Abdul Halil Abul Mutalib bagi pihak Malaysia manakala Thailand diwakili Ketua Pengarah Kastam Chavalit Sethameteekul.

Dr Mahathir dan Thaksin yang dalam rangka lawatan dua hari ke Langkawi, pagi tadi menyampaikan ucapan aluan masing-masing pada Dialog rakan Perniagaan dan Teknologi Malaysia-Thailand di Kuah di sini.

Selepas mengadakan perbincangan dua hala yang menyentuh kerjasama ekonomi, Dr Mahathir membawa Thaksin menaiki kereta kabel Gunung Mat Chinchang.

-- BERNAMA

MAN ZS LAT